



KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION



TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN & PENYERAHAN SANGKAR SEMBELIHAN
MUDAH ALIH

7 MEI 2016 (SABTU), 4.45 PETANG – 6.00 PETANG
MASJID TANGGA BATU PEKAN, MELAKA

(Senarai salutasi akan dimuktamadkan kemudian)

YANG BERUSAHA ENCIK MUHAMMAD AZIPH DATO' MUSTAPHA
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM);

Tetamu Kehormat, Ketua-Ketua Jabatan;

Rakan media, penduduk kampung serta para hadirin sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin menyampaikan salam daripada YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau iaitu Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan beliau memohon maaf kerana tidak dapat hadir untuk bersama dalam majlis pada petang ini atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Beliau telah meminta saya untuk membaca teks ucapan majlis pada hari ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Saya ingin menzahirkan rasa bangga kerana dapat bersama-sama dengan tuan-puan ke **Majlis Penyerahan Sangkar Sembelihan Mudah Alih untuk Khidmat Korporat MOSTI** kepada Masjid Tangga Batu Pekan, Melaka dan juga Masjid Jamek Sungai Abong, Muar, Johor.

3. Saya amat berbesar hati kerana dengan adanya program seumpama ini, saya berpeluang untuk turun padang dan mendekati penduduk kampung secara lebih dekat. Pada masa yang sama, Kementerian saya akan dapat membantu masyarakat tempatan untuk memudahkan aktiviti atau kerja harian mereka melalui inovasi dan ciptaan anak tempatan. Pendekatan sebegini juga akan dapat memberi pendedahan dan kesedaran terhadap peri pentingnya sains, teknologi dan inovasi atau STI kepada kelangsungan dalam kehidupan seharian kita semua.

4. Untuk makluman tuan-puan yang dihormati, projek **Sangkar Sembelihan Mudah Alih untuk Khidmat Korporat MOSTI** ini adalah merupakan salah satu projek di bawah program **Inovasi Sosial MOSTI atau lebih dikenali sebagai program MSI**. Secara ringkasnya, program ini memberi tumpuan kepada teknologi atau inovasi sedia ada di mana MOSTI membantu pelaksanaannya di peringkat akar umbi yang dilaksanakan melalui Yayasan Inovasi Malaysia (YIM).

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

5. Suka saya maklumkan di sini juga, bahawa program MSI ini telah dilancarkan pada 16 April 2015 sebagai projek perintis melibatkan pembiayaan 77 buah projek dan penyertaan oleh 16 buah agensi di bawah MOSTI. Manakala pada tahun 2016, ianya dilaksanakan secara lebih menyeluruh dengan melibatkan hampir kesemua agensi di bawah MOSTI dengan peruntukan berjumlah RM25 juta.

6. Untuk makluman tuan-puan semua, Program MSI mempunyai matlamat untuk membantu kumpulan sasar menikmati faedah langsung daripada aplikasi teknologi sama ada yang berbentuk produk atau perkhidmatan. Antara bidang utama yang diberikan tumpuan dalam program MSI ini ialah **utiliti, kesihatan, keselamatan, pendidikan,**

alam sekitar dan aktiviti-aktiviti bersifat ekonomi. Skop ini akan ditambah dan diperluaskan dari semasa ke semasa bergantung kepada ketersediaan teknologi dan juga keperluan semasa oleh masyarakat.

7. Saya berpandangan bahawa MSI merupakan salah satu cabang program inovasi yang boleh membawa kesan positif secara langsung dan boleh dirasai oleh semua golongan masyarakat. Program ini juga bertujuan untuk menggalakkan pemikiran berinovasi dan ianya telah membuktikan bahawa sesuatu teknologi tersebut tidak semestinya canggih, mahal dan sukar dikendalikan. Teknologi yang mudah dan murah juga boleh dimiliki dan dapat untuk memberikan manfaat yang terbaik kepada masyarakat.

8. Sehubungan dengan itu, saya amat berbangga dengan usaha murni yang telah dilakukan oleh YIM yang bertanggungjawab kepada 4 Projek MSI termasuklah **Sangkar Sembelihan Mudah Alih** bagi Khidmat Korporat MOSTI ke 5 buah negeri iaitu di Sabah, Sarawak, Johor, Melaka dan Pahang bagi membantu komuniti masjid dalam menguruskan urusan penyembelihan umumnya dan ibadah korban khasnya. Selain itu, alat ini juga boleh digunakan dalam bidang veterinar dan sebagai contohnya, ianya boleh digunakan untuk merawat lembu melalui penyuntikan ubat.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

9. Sangkar Sembelihan Mudah Alih ini telah dicipta oleh Encik Hamzan bin Hashim selaku AJK ICT di Masjid Ar-Raudhah, Kampung Sungai Batu Pahat, Perlis. Beliau telah berjaya memenangi tempat pertama dalam Anugerah Inovasi Negara (AIN) pada tahun 2013. Inovasi yang diterokai oleh beliau ini boleh menggantikan teknik tradisional penyembelihan haiwan ternakan seperti lembu dan kerbau kepada teknik yang lebih mudah, cepat, selamat dan terurus.

10. Saya berbangga kerana seorang anak tempatan iaitu Encik Hamzan telah dapat menghasilkan teknologi yang berinovatif, praktikal dan kemudahan seperti ini kini dapat dinikmati oleh komuniti-komuniti lain di Sabah, Sarawak, Johor, Melaka dan juga Pahang. Pada

kesempatan ini, saya juga ingin menyeru lebih ramai pencipta dan pengusaha tempatan untuk bekerjasama bagi meningkatkan ekonomi masyarakat setempat melalui inovasi.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

11. Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan tahniah dan syabas kepada semua pihak terutamanya para pencipta akar umbi dan YIM sebagai agensi pelaksana projek ini, kerana telah berjaya merealisasikan serta mengaplikasikan penciptaan bagi kegunaan masyarakat di Tangga Batu, Melaka dan Sungai Abong, Johor. Kejayaan program pada hari ini telah mendorong dan menggalakkan budaya inovasi dan kreativiti sebagai hasil pendapatan tambahan, penjanaan ilmu dan kesejahteraan masyarakat setempat. Justeru, marilah kita bersama-sama untuk memajukan sains, teknologi dan inovasi dan seterusnya merakyatkan STI dalam masyarakat kita.

12. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penyerahan Sangkar Sembelihan Mudah Alih untuk Khidmat Korporat MOSTI di bawah program Inovasi Sosial MOSTI ini.**

Sekian, terima kasih.